



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

**PEMBANTU HAIWAN (D.3 EB.4-5)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEMBANTU HAIWAN

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN EB KHAS \$1,665 - \$1,825)

KEKOSONGAN= SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC)* atau sebanding dalam bidang Sains (Biologi dan Kimia) / Sains Makmal atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Pemohon yang pernah mengikuti skim penempatan kerja dalam makmal veterinar adalah kelebihan.
3. Berpengalaman dalam mengendalikan dan pemeliharaan peralatan-peralatan makmal seperti *Liquid Chromatography – Mass Spectrometry / Mass Spectrometry (LC-MS/MS)*, *Vitek*, *Biolog*, *Microplate Reader*, *Microscope* dan *Polymerase Chain Reaction (PCR)* adalah kelebihan.
4. Berkebolehan menggunakan komputer dan penggunaan perisian komputer seperti *Microsoft Powerpoint*, *Microsoft Excel*, *Microsoft Words* dan *Microsoft Publisher* adalah kelebihan.
5. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
6. Berkebolehan dalam melaksanakan dan mengimplementasikan keselamatan kerja di makmal seperti *first aid*, *spillage handling* dan penggunaan *fire extinguisher / fire blanket*.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penganalisaan makmal veterinar;
2. Membantu menyediakan segala keperluan bagi kerja-kerja penganalisaan dan membersihkan makmal sebelum dan selepas pemeriksaan dan penganalisaan dijalankan;
3. Membantu menyelenggara kerja-kerja pembersihan dan pemantauan dalam makmal dan memastikan makmal sentiasa terurus, bersih dan selamat;
4. Mencatat serta mengumpul keputusan pemeriksaan / penganalisaan makmal dan seterusnya menyediakan laporan hasil keputusan pemeriksaan / penganalisaan makmal;
5. Membantu dalam menyediakan dan membuat pembelian barang-barang keperluan pemeriksaan / penganalisaan makmal dan seterusnya membuat inventori stok barang-barang makmal dari semasa ke semasa;
6. Mematuhi segala prosedur-prosedur dan panduan pemeriksaan / penganalisaan makmal mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang disediakan dan sistem pengurusan kualiti makmal;
7. Bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesihatan kerja di makmal dan memastikan prosedur keselamatan sentiasa dipatuhi;
8. Mengimplementasikan objektif kualiti makmal mengikut keperluan skim akreditasi *ISO / IEC 17025*;
9. Memberi latihan kepada staf teknikal baru dan penuntut mengenai kerja-kerja pemeriksaan dan penganalisaan makmal;
10. Bersedia melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa; dan
11. Menerima dan melaksanakan tugas atau arahan-arahan lain yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Ketua Bahagian / Unit.